



Ruj. Kami : KDN.KK.S.700-3/1/3  
Tarikh : 12 Januari 2021

YBhg. Dato' Sri Ramli bin Yusoff  
Presiden  
Persatuan Industri Kawalan Keselamatan Malaysia (PIKM)  
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7  
Kelana Business Centre,  
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.

YBhg. Dato' Sri,

## **STATUS PERKHIDMATAN INDUSTRI KAWALAN KESELAMATAN SWASTA DI MALAYSIA SUSULAN WABAK COVID19**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian bertarikh 27 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Sri sedia maklum, YAB Perdana Menteri dalam perutusan khas beliau pada 11 Januari 2021 memutuskan untuk melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia bermula 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021. Mengambil kira Industri Kawalan Keselamatan adalah perkhidmatan perlu (*essential service*) bagi memastikan premis-premis yang dikawal berada dalam keadaan selamat, syarikat kawalan keselamatan diberikan pengecualian pergerakan untuk beroperasi dengan mengamalkan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kawalan Keselamatan Swasta dan semua SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga tamat PKP yang akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri kelak.


3. Dalam hal ini juga, syarikat diwajibkan untuk mengeluarkan surat kebenaran perjalanan kepada pekerja-pekerja dari kediaman ke premis jagaan masing-masing dengan melampirkan surat kebenaran beroperasi ini untuk tujuan semakan semasa Sekatan Jalan Raya (SJR) pihak berkuasa sepanjang menjalankan tugas kawalan keselamatan.

Sekian, terima kasih.



**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

s.k:

YBhg. Tan Sri Abdul Hamid bin Bador  
Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur.